

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 21 OKTOBER 2022

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : <https://www.bharian.com.my/amp/bisnes/lain-lain/2022/10/1014911/kadar-inflasi-bulan-september-catat-45-peratus>

Kadar inflasi bulan September catat 4.5 peratus



PUTRAJAYA: Kadar inflasi Malaysia pada September 2022 mencatatkan 4.5 peratus, lebih rendah berbanding 4.7 peratus pada Ogos 2022.

Bagi tempoh Januari hingga September 2022, kadar inflasi di negara ini adalah 3.3 peratus.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata bagi bulan September 2022, Malaysia mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah berbanding dengan beberapa negara terpilih seperti Zon Euro (10.0 peratus), Amerika Syarikat (8.2 peratus), Filipina (6.9 peratus), Thailand (6.4 peratus), Indonesia (6.0 peratus) dan Korea Selatan (5.6 peratus).

Beliau berkata, kenaikan inflasi bulan lalu disumbangkan terutamanya oleh peningkatan inflasi kumpulan makanan yang menyederhana kepada 6.8 peratus berbanding 7.2 peratus pada Ogos 2022.

"Kenaikan yang perlahan bagi kumpulan makanan didorong oleh komponen makanan di rumah yang meningkat dengan sederhana, iaitu 5.7 peratus berbanding 6.4 peratus pada Ogos 2022," katanya.

Harga maksimum minyak masak tulen kemasan botol pelbagai saiz merekodkan penurunan berkuat kuasa 8 September hingga 7 Oktober 2022 dengan kandungan lima kilogram mencatat pengurangan terbesar, iaitu penurunan daripada RM34.70 kepada RM33.50.

Kesan daripada inisiatif ini dapat dilihat dengan jelas melalui kenaikan yang kecil sebanyak 4.8 peratus bagi item minyak sebatian berbanding 6.6 peratus pada Ogos 2022.

Mustapa berkata, pelaksanaan harga maksimum minyak sawit botol dan penetapan paras harga siling ayam yang diperkenalkan oleh kerajaan, telah memberi impak positif dan melegakan pengguna terutamanya golongan peniaga daripada menampung kos bahan mentah yang tinggi, sekali gus mengurangkan

"Walaupun Parlimen telah dibubarkan pada 10 Oktober 2022, langkah langkah untuk mengekang kenaikan harga terus dilaksanakan demi memastikan Keluarga Malaysia tidak terus terbeban dengan kenaikan harga barangan," katanya.

Antara langkah terkini yang diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) termasuklah mengekalkan harga siling ayam standard di peringkat runcit pada RM9.40 sekilogram, manakala telur ayam gred A, B dan C, masing-masing pada harga siling 45 sen, 43 sen dan 41 sen sebiji.

Selain itu, pemberian subsidi sebanyak 80 sen bagi sekilogram ayam kepada penternak ayam diteruskan sehingga Disember 2022, pertambahan pemberian subsidi daripada tiga sen kepada lapan sen bagi sebiji telur kepada pengeluar telur ayam juga diteruskan sehingga Disember 2022; manakala pemantauan dan penguatkuasaan terhadap aktiviti kartel terutamanya bagi ayam dan telur ayam terus ditingkatkan berikutan terdapat dakwaan berlakunya aktiviti mencatu bekalan ayam dan telur ayam sehingga menyukarkan Keluarga Malaysia mendapatkan bekalan.

Mustapa berkata, kerajaan sedar akan pelbagai aduan yang disiarkan di media massa, terutamanya berhubung isu kekurangan telur ayam gred A, B dan C bersubsidi di pasaran.

Beliau berkata, MAFI dan KPDNHEP sentiasa memantau isu berkenaan dan akan membentangkan hasil pemantauan semasa Mesyuarat Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi pada 25 Oktober ini.

"Ini adalah selari dengan usaha kerajaan untuk memastikan kadar inflasi negara terus terkawal, terutamanya kenaikan harga bagi barangan makanan termasuk makanan di luar rumah melalui peningkatan kawalan aktiviti pencatutan," katanya.

